

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 20
 RUANGAN : NASIONAL

Syor naik gred pegawai perubatan kontrak



Kenaikan daripada UD41 ke UD43 tangani ketidakseimbangan gaji doktor kerajaan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
 mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan bercadang menaikkan gred pegawai perubatan berstatus kontrak ke gred UD43 daripada UD41 dalam usaha menangani ketidakseimbangan gaji doktor di hospital kerajaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad, berkata ia antara

perkara yang sedang diusahakan kementerian sejak dalam reformati Skim Perkhidmatan Kesihatan (HAC).

"Ibu HO/MO (Pegawai Kesihatan/Pegawai Perubatan) kontrak dan perjawatan ini sangat kompleks.

"Saya akan bekerjasama dengan Majlis Perubatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mencari penyelesaian menyeluruh yang adil.

"Insya-Allah kita cuba menyelesaikan isu kontrak HO/MO, beri mereka gred UD43 berbanding UD41 sebagai penyelesaian jangka pendek," katanya dalam hantaran pada Twitter semalam.

Tangga gaji bagi gred UD43 adalah RM3,611 berbanding pegawai perubatan berstatus kontrak me-

nerima gred gaji UD41 yang memperoleh pendapatan sebanyak RM3,100 sebulan.

Beliau mengulas ciapan pengguna Twitter dikenali Dr Aen yang mendakwa ramai doktor enggan meneruskan kerjaya mereka khususnya yang berstatus kontrak kerana tidak mendapat keistimewaan seperti kakitangan tetap.

"Tahu tak kenapa ramai dah tawar hati nak teruskan jadi doktor? Kontrak tapi kena kerja sehabis boleh. Tak dapat keistimewaan macam pegawai tetap. Tak dapat gaji sama. Tapi kerja biasanya kontrak ni lagi bersungguh sebab takut kena buang," katanya.

Luahan Dr Aen itu disokong seorang lagi pengguna Twitter

dikenali DrSazOne yang minta supaya kerajaan memberi perhatian terhadap keluhan golongan doktor berstatus kontrak.

"Saya berpendapat luahan ini perlu diberi perhatian. Inilah suara akar umbi. Mereka masa hadapan negara. Saya dapat rasakan mereka," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkifly berkata, kerajaan akan merancang dengan baik dan mengambil langkah serta keputusan yang tegas untuk menghasilkan doktor berkualiti tinggi bagi memenuhi cabaran dan keperluan kesihatan negara.

"Beberapa dasar lama perlu ditukar dan moratorium perjawatan HO/MO 2012 akan digarap dalam reformasi HAC," katanya.

Saya akan bekerjasama dengan Majlis Perubatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mencari penyelesaian menyeluruh yang adil.

**Dr Dzulkifly Ahmad,
 Menteri Kesihatan**

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : PERAK/NEGERI SEMBILAN / MELAKA

Pengawal keselamatan HRPB mogok

**Tidak puas hati
isu tunggakan
gaji dan cuti
libatkan
majikan lama**

SAIFULLAH AHMAD

IPON

Kerajaan Perak memau-
dang serius isu peng-
wal keselamatan di
Hospital Raja Permaisuri
Bainun (HRPB) di sini yang
meninggalkan tugas mereka
kerana masalah dihadapi
dengan majikan.

Exco Kesihatan, Hal Eh-
wal Pengguna, Integrasi Na-
sional dan Sumber Manusia

Perak, A Sivanesan berkata,
hanya 142 daripada 192 pe-
ngawal keselamatan yang
sepatutnya bertugas meli-
batkan syif pagi dan petang
pada 8 November lalu.

"Kita mengutamakan
keselamatan pesakit, kemudian
menjaga harta kerajaan.
Kalau ada sesiapa nak sabo-
taj, curi bayi dan sebagainya.
Keselamatan paling penting."

"Pekerja keselamatan
tidak boleh mengabaikan
tanggungjawab mereka wa-
laupun terdapat masalah
dengan majikan. Tindakan
itu boleh dijadikan alasan
kukuh untuk mereka dibur-
ang kerja," katanya pada si-
clang akhbar selepas menga-
dakan perternungan tertutup
dengan pelbagai pihak ber-
hubung perkara berkenaan
di Kompleks Rawatan Ha-



Sivanesan (kiri) pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan pelbagai pihak bagi menyelesaikan isu pengawal keselamatan di HRPB semalam.

rian HRPB di sini semalam.

Sivanesan berkata, pi-
haknya turut mengambil
maklum mengenai masalah
yang dihadapi pengawal ke-
selamatan berkaitan tung-

gakan gaji dan cuti itu.

Menurutnya, pada 4 No-
vember lalu, pihaknya me-
nerima memorandum dari
pada pekerja - syarikat
kawalan keselamatan bagi

menyelesaikan isu berke-
naan.

"Kes tunggakan gaji se-
bulan dan berkaitan cuti
berlaku ketika berada di sya-
rikat lama manakala syarikat

baharu tidak mempunyai
masalah setakat ini. Kes me-
reka sudah didaftarkan di
Jabatan Tenaga Kerja (JTK)
dan akan dibicarakan pada
26 November ini.

"Saya sudah menasihat
kan supaya tubuhkan jawa-
tunkuasa konsultasi bersama
untuk berbincang jika ada
masalah antara pekerja dan
majikan," katanya.

Sivanesan berkata, da-
lam isu tersebut pihak hospi-
tal tidak boleh campur ta-
ngan kerana perjanjian
dibuat antara pekerja dan
syarikat berkenaan.

Katanya, pihak hospital
hanya boleh meminta bantuan
atau buat aduan kepada
Kementerian Kesihatan
kerana perjanjian syarikat
dibuat terus dengan kemen-
terian.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NATION

Stage set for access to Hepatitis C treatment

Marked increase of patients to get generic drug

By LOH FOON FONG
foonfong@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Twenty months after sofosbuvir, the generic Hepatitis C drug was brought into Malaysia through compulsory licensing, only some 4,500 patients have been treated, says the Health Ministry.

It admitted that this initial stage of setting the stage for screening and treatment had been saddled with many challenges.

But a lot of the issues have been resolved and the number of patients to be screened and treated are expected to increase exponentially next year.

The process of getting laboratory support, coordinating with hospitals for patients to be treated and procurement that did not meet specifications were among the challenges they had faced, said the ministry's National Head of Gastroenterology and Hepatology Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

"We have rectified the problems and we expect the number of patients screened and treated will increase markedly next year," he said in a dialogue between civil society organisations and the ministry in a multi-stakeholder forum on Hepatitis C here recently.

Besides the logistics issues, Dr Muhammad Radzi said that at the initial stage, there were fewer patients treated because many of them had liver cirrhosis and were treated in hospitals, which required more of the allocated medication.

But with the efforts to decentralise Hepatitis C screening and treatment this year, more were expected to be diagnosed and treated next year, he added.

"We will have screening and treatment in selected health clinics in every state beginning next year."

Dr Muhammad Radzi said that with the decentralisation, the ministry would also provide clinics with rapid test kits for better access to screening. The rapid test is to test for Hepatitis C antibodies.

If tested positive, the patient would need another test to confirm if treatment is needed.

In total, he said the ministry and the Foundation for Innovative New Diagnostics (FIND), funded by Unitaid, had screened more than 50,000 high-risk people this year.

FIND, in collaboration with the ministry, had tested out and introduced the Hepatitis C rapid diagnostic test in one health clinic in December last year and in 25 health clinics starting March.

The programme had screened 15,148 patients and 2,031 patients were tested positive for Hepatitis C while 11,523 patients were screened during the ministry's World Hepatitis Day one-week campaign in July and 220 patients were tested positive, said FIND HCV country project manager Sem Xiao Hui.

For the other cases (of the 50,000) while the rapid test was being studied, health clinics had taken blood samples and sent them to the hospitals or public health laboratories for testing.

In 2017, Universiti Malaya consultant hepatologist Prof Dr Rosmawati Mohamed said that more than 500,000 Malaysians aged between 15 and 60 were estimated to be infected with Hepatitis C, but 74% or 386,000 had active or persistent infection which required treatment.

In July 2017, *The Star* carried a front page story highlighting the plight of Malaysians who suffered from Hepatitis C as only a fraction could afford the medication that can cost up to RM300,000 for the full course of treatment.

Subsequently, the Cabinet gave approval to issue a government-use licence to enable the import of generic versions of the Hepatitis C drug sofosbuvir.